

## Polis tahan pelakon terkenal disyaki miliki dadah

7 Mei 2018



**SUSPEK**

### Polis tahan pelakon terkenal disyaki miliki dadah

**KUALALUMPUR 6 Mei** - Seorang pelakon wanita terkenal ditahan polis kerana disyaki memiliki dadah jenis erimin 5 selepas terlibat dalam kemalangan di Jalan Burhanuddin Helmi, Taman Dr. Ismail di sini hari ini.

Difahamkan dalam kejadian pukul 11.45 pagi itu, pelakon tersebut yang menaiki kenderaan Range Rover melanggar sebuah kereta Honda BRV milik seorang lelaki tempatan yang kemudiannya membuat laporan polis berhubung kejadian tersebut.

Sepasukan polis peronda yang tiba di lokasi kejadian mendapati pelakon tersebut dilihat berada dalam keadaan khayal sebelum membawa wanita berusia 25 tahun itu ke Balai Polis Taman Dr. Ismail di sini.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, hasil pemeriksaan yang dibuat mendapati polis menemukan enam keping bungkusan aluminium berisi 53 biji dadah erimin 5 dalam beg tangan pelakon terbabit.

"Nilai rampasan dadah yang ditemukan berjumlah RM660. Buat masa ini siasatan terperinci masih lagi dijalankan," katanya ketika dihubungi sambil mengesahkan penahanan aktres tersebut.

Jelas Mazlan, polis telah menjalankan ujian air kencing terhadap pelakon terbabit dan mendapati negatif dadah dan tiada rekod jenayah lampau.

Beliau berkata, barang kes yang dirampas daripada pelakon terbabit akan dihantar ke Jabatan Kimia sementara kertas siasatan dirujuk kepada pihak pendakwaan untuk tindakan lanjut.

Menurut beliau, pelakon tersebut telah dibebaskan dengan jaminan polis dan kes itu di siasat mengikut Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya 1952.